


PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

Bil.(39)dlm.JK/MA 16 Jld.II

Tarikh: 17 Jun 1992

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Malaysia.

Tuan/Puan,



PEKELILING KETUA PENDAFTAR NO. 2 TAHUN 1992


Penyediaan Rekod Rayuan Jenayah

Adalah menjadi masalah masakini bagi Mahkamah Agung untuk menetapkan tarikh pendengaran bicara rayuan bagi kes-kes jenayah dari Mahkamah Tinggi berikutan dari kelewatan penyediaan rekod rayuan oleh Mahkamah Tinggi.

2. Untuk menyegerakan pelupusan kes-kes rayuan jenayah adalah dengan ini diarahkan semua rekod rayuan jenayah hendaklah disediakan oleh Mahkamah Tinggi berkenaan dan dikemukakan ke Mahkamah Agung dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan notis rayuan.

3. Sehubungan ini Penolong Kanan Pendaftar diminta mengarahkan Setiausaha-Setiausaha Y.A. Hakim yang berkenaan untuk memastikan bahawa nota keterangan dan alasan penghakiman disediakan dalam masa satu (1) bulan dari tarikh penerimaan notis rayuan.

4. Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memberi penjelasan kepada Ketua Pendaftar, Mahkamah Agung atas sebarang kelewatan penyediaan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan dan memberitahu jangkamasa yang diperlukan untuk menyiapkan rekod tersebut.


(MOHD HISHAMUDIN BIN MOHD YUNUS)
KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH AGUNG
KUALA LUMPUR

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo - Untuk makluman Y.A.A.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya.

Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman.

Y.Bhg. Peguam Negara Malaysia.

Y.Bhg. Peguamcara Negara.

Ketua Setiausaha, Kementerian Undang-Undang Malaysia.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Penasihat Undang-Undang Negeri,
Malaysia.

Semua Hakim Mahkamah Sesyen, Malaysia.

Semua Majistret, Mahkamah Majistret, Malaysia.

Pengerusi, Majlis Peguam,
No.5 Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur.

The Managing Editor, Malayan Law Journal (Pte) Ltd.,
No.3, #14-08, Shenton House, Singapore 0106.

Ketua Pengarah,
Current Law Journal,
Lot 12, Ground Floor,
Bangunan Strait Trading,
50700 Kuala Lumpur.

KANUN,
Dewan Bahasa & Pustaka,
Kuala Lumpur.